

02/12/1997

Kawal mata wang ambil masa

ariah Shikh Ali; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia yakin cadangannya terhadap sebuah pasaran mata wang yang terkawal dapat direalisasikan dalam tempoh satu atau dua tahun lagi kerana ia memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan negara terutamanya anggota Kumpulan Kerjasama Asia Pasifik (Apec) menunggu sehingga Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membuat keputusan muktamad dalam mesyuaratnya pada April depan.

"Saya harap ia tidak mengambil masa yang lama. IMF akan bermesyuarat April ini dan pemimpin negara Apec mengambil keputusan untuk menunggu IMF membuat cadangan.

"Bagaimanapun saya yakin ia akan mengambil masa... mungkin satu atau dua tahun," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean dan Asean Campur Enam, di sini, hari ini.

Ditanya sama ada tempoh berkenaan terlalu lama, beliau berkata: "Sudah tentu kami berharap ia berlaku secepat mungkin, saya lebih suka hari ini.

"Tetapi anda tahu saya tidak boleh buat apa-apa, ia di luar kuasa saya. Dan saya tahu setiap kali saya membuka mulut mereka (peniaga mata wang) akan memberi tekanan yang mengakibatkan ringgit semakin merosot. Kerana selepas itu mereka akan berkata mereka hilang keyakinan terhadap negara ini kerana Perdana Menteri dia cakap banyak," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata pertemuannya dengan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, bukan untuk meminta bantuan dari badan itu tetapi berbincang untuk menggariskan peraturan membabitkan urusan niaga mata wang.

"Kami tidak berbincang atau meminta bantuan dari IMF. Walaupun saya tahu jika saya bercakap seperti ini kami akan menerima tekanan hebat sekali lagi yang akhirnya mungkin meminta bantuan IMF.

"Tetapi sebenarnya perbincangan saya dengan Camdessus adalah berpusat kepada peraturan dan kelebihan pasaran mata wang kepada semua."

Ditanya sama ada beliau tidak menghadapi masalah dengan IMF yang ketika ini dikuasai oleh wakil-wakil dari Amerika Syarikat dan Eropah, Dr Mahathir berkata, beliau yakin bahawa IMF adalah sebuah badan bebas.

"Saya sudah bercakap dengan Camdessus, dia seorang yang berfikiran bebas tetapi pada masa yang sama saya ada mencadangkan bahawa adalah lebih baik semua pihak yang akan menerima kesan daripada sebarang peraturan dan undang-undang turut mempunyai suara dalam formulasi ini (pasaran mata wang)," katanya.

Ditanya mengenai kenyataannya yang bercanggah kerana di dalam ucapannya beliau mengkritik pakej bantuan IMF yang dikatakan akan menghapuskan kedaulatan sesebuah negara, Dr Mahathir menjawab:

"Sebenarnya ia adalah satu kenyataan yang benar. Tetapi saya tidak fikir IMF secara sengaja cuba mencetus masalah kepada negara-negara terbabit. Mereka berasakan negara-negara itu patut lebih berdisiplin, tetapi ia mengakibat begitu banyak kesukaran kepada negara terbabit."

Ditanya mengapa beliau mencadangkan supaya pasaran mata wang dikendalikan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan bukannya IMF, Dr Mahathir menegaskan semua jenis perniagaan adalah di bawah WTO maka adalah wajar pasaran mata wang yang juga sejenis perdagangan dikendalikan oleh badan itu.

"Tidak ada salahnya bagi IMF mengemukakan cadangan, tetapi disebabkan

pasaran mata wang patut dianggap sebagai satu perdagangan maka ia adalah di bawah kuasa WTO dan semua negara patut mempunyai suara dalam pembentukan pasaran itu.

"Pasaran berkenaan pula mesti dicipta untuk meningkatkan ekonomi dunia, bukannya memiskinkannya," tegasnya.

(END)